



SIARAN MEDIA

HALA TUJU 2022 : KPKT MEMPERKUKUH AGENDA MALAYSIA BERDAYA HUNI

PUTRAJAYA, 21 Januari 2022 – YB Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menetapkan pengukuhan agenda Malaysia Berdaya Huni sebagai hala tuju 2022 KPKT dalam Majlis Amanat 2022 dan Pelancaran Rangka Kerja Pemerkasaan Pihak Berkuasa Tempatan di Putrajaya petang ini.

Beliau menggariskan **tiga falsafah utama** yang dalam pelaksanaan gerak kerja warga KPKT iaitu **merawat keresahan rakyat, membina keyakinan rakyat dan menepati ekspektasi rakyat**. Ini telah dapat diterjemah dalam pelbagai inisiatif semasa KPKT serta usaha-usaha yang dilakukan semasa menghadapi kejadian banjir yang berlaku baru-baru ini.

Beliau turut menggariskan **Enam Fokus Malaysia Berdaya Huni 2022 KPKT** iaitu Memastikan penyediaan rumah mampu milik yang mencukupi dan berkualiti; Mengarus perdana pendigitalan dalam penyampaian perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT); Memperkasa pembangunan komuniti bandar; Mempertingkatkan kesiapsagaan kebombaan dan penyelamatan; Mengutamakan kemampunan bandar, pembangunan dan daya tahan Bandar Hijau; dan Mentransformasi pengurusan sisa pepejal ke arah pembangunan ekonomi kitaran.

Dalam masa yang sama, beliau turut menekankan tiga cabaran yang perlu diberi perhatian oleh warga KPKT iaitu pengukuhan data sebagai sumber pembuatan keputusan yang tepat, aplikasi teknologi yang membolehkan perkhidmatan dapat diberikan dengan lebih pantas serta persepsi dan keterlihatan (*visibility*) KPKT. Penguasaan dan keupayaan mendepani ketiga-tiga cabaran ini akan membolehkan KPKT bergerak sebuah Kementerian yang berkesan dan terkehadapan.

Dalam pada itu, YB Dato' Sri Reezal Merican juga memuji kesungguhan semua warga, agensi dan jabatan di bawah KPKT yang sentiasa memberikan khidmat terbaik

pada sepanjang masa. Ini telah dapat memberikan rakyat Sentuhan KPKT dan meninggalkan Jejak KPKT yang diingati oleh rakyat.

YB Dato' Sri Reezal Merican turut menyatakan kebanggaan beliau dan pasukan KPKT kepada pasukan bomba dan penyelamat yang menjadi *frontliner* dalam menyelamatkan mangsa-mangsa banjir sejak ia berlaku khususnya di kawasan yang teruk terjejas seperti di Taman Sri Muda, Shah Alam dan Hulu Langat.

Sehingga kini, **KPKT telah memperuntukkan RM125 juta bagi kerja-kerja berkaitan dengan banjir dan pasca banjir** termasuklah **RM50 juta** kepada 52 PBT bagi pembaikan semula infrastruktur awam yang rosak akibat banjir; **RM50 juta** bagi pelaksanaan Inisiatif Rumah Kasih Keluarga Malaysia bagi membina semula dan membaik pulih rumah yang terkesan akibat banjir; **RM5 juta** bagi penyediaan Bakul Bantuan Bencana oleh PRIMA yang mengandungi barangan makanan kering dan keperluan mangsa banjir; dan **RM20 juta** bagi kerja-kerja pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di negeri-negeri terjejas.

Beliau turut melancarkan Rangka Kerja Pemerkasaan PBT (RKPBT) yang memberi penekanan kepada bidang fokus yang perlu ditambah baik hasil daripada perbincangan, penelitian serta sesi libat urus dengan pelbagai pihak. RKPBT dihasilkan dengan dua segmen iaitu pernyataan dasar dan pelan tindakan yang diterjemahkan melalui 4 Teras seperti berikut:

- Teras 1 : Organisasi Berdaya Maju, Responsif dan Adaptif**
- Teras 2 : Pengurusan Bandar Yang Berdaya Huni & Mampan**
- Teras 3 : Rekayasa Sumber Kewangan**
- Teras 4 : Pemerkasaan Hubungan & Kolaborasi Strategik**

Menurut YB Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican, RKPBT yang dibangunkan oleh KPKT merupakan satu rangka kerja yang komprehensif dan holistik yang menyediakan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk tampil lebih cemerlang dan dinamik serta mampu mendepani cabaran mendatang. Ia digubal bertujuan menyampaikan hasrat Aspirasi Keluarga Malaysia menerusi konsep *the whole of Government* dan bagi mendokong gagasan Malaysia Berdaya Huni (*Liveable Malaysia*).

Turut hadir di majlis tersebut adalah YB Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan YBhg. Datuk M Noor Azman Taib, Ketua Setiausaha KPKT serta pegawai kanan Kementerian, Jabatan, Agensi dan wakil-wakil daripada PBT seluruh negara secara bersemuka dan online.

#KPKTPrihatin #PasukanKPKT

#BekerjaBersamaRakyat #KeluargaMalaysia

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

